

6118  
MAHATHIR

1975  
KUALA LUMPUR, 5 JULAI (BERNAMA) -- PARA PELAJAR HARI INI DINASIHATKAN SUPAYA MENJAUHI KUMPULAN-KUMPULAN ANASIR JAHAT DEMI FAEDAH MEREKA SENDIRI.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, PENGAULAN SERUPA ITU TIDAK AKAN MEMBAWA MEREKA KE JALAN CERAH DI MASA DEPAN, SEDALIKINYA MEREKA AKAN BELAJAR BAGAIMANA HENDAK PONTENG SEKOLAH. MERAYAU KE SANA SINI, MENGHISAP DADAN DAN SEBAGAINYA.

KETIKA MERASMIKAN SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN KAMPUNG BATU DEKAT SINI, BELIAU BERKATA, SEBELUM PERKARA-PERKARA TERSEBUT BERLAKU. PARA PELAJAR MESTILAH MENGELAKKAN DIRI DARINYA. 271

KATANYA, GURU DAN IBUBAPA MESTILAH TEGAS DALAM HAL-HAL DISPLIN PARA PELAJAR.

+PARA GURU JANGANLAH SEMATA-MATA MENYAMPAIKAN ILMU PENGETAHUAN, TETAPI JUGA MENYEDARKAN PARA PELAJAR KE ARAH HIDUP DI MASA DEPAN YANG TERJAMIN, + TAMBAHNYA. -- BERSAMBUNG 1800/SZ

6128  
MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

BELIAU MENGOESA KAUM GURU BERGANDING RAPAT DENGAN IBUBAPA KERANA INI DAPAT MENGHINDARKAN SEBARANG SALAH FAHAM APABILA SATU-SATU TINDAKAN DIAMBIL OLEH PIHAK SEKOLAH KE ATAS PARA PELAJAR.

DR. MAHATHIR JUGA MENASIHATKAN IBUBAPA MENENTUKAN YANG ANAK-ANAK MEREKA MAKAN SARAPAN PAGI SEBELUM KE SEKOLAH, DIBERIKAN WANG BELANJA ATAU BEKAL YANG MENADAI UNTUK MEMBOLEHKAN MEREKA BELAJAR DENGAN SELESA. -- BERNAMA 1803/SZ